

Palestin perh pengaruh PM

KUALA LUMPUR 2 April — Palestin meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menggunakan pengaruhnya di arena antarabangsa bagi membantu menghalang kekejaman tentera Israel di buminya yang kini amat kritikal.

Menteri Luar Palestin, Farouk Kaddoumi percaya Dr. Mahathir dapat meminta Presiden Amerika Syarikat, George W. Bush bertindak segera mengarahkan Israel mengundurkannya.

"Kami memerlukan jasa baik Perdana Menteri dalam usaha membantu rakyat Palestin. Tindakan segera amat perlu bagi mencegah keadaan daripada bertambah buruk," katanya dalam pertemuan khas dengan wartawan Malaysia di Hotel Palace of Golden Horses, di sini hari ini.

Beliau yang sedang menghadiri Sesi Khas Menteri-Menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (ICFM) di sini menyatakan permintaan Palestin itu semasa mengunjungi Dr. Mahathir hari ini.

● Lagi laporan di muka 2

Sambil menyifatkan tindakan tentera Israel sekarang sebagai usaha pemusnahan rakyat Palestin, Farouk menjelaskan nyawa rakyat Palestin sekarang amat terancam.

Malah, nyawa Presiden Yasser Arafat semakin terancam apabila beliau terkepung dalam dua bilik, sisa yang masih tinggal di bangunan pejabatnya di Ramallah. Ia kini terpisah dengan dunia luar dan bekalan makanan serta perubatan turut tersekat.

"Perdana Menteri Israel, Ariel Sharon jelas 'mengasingkan' Yasser tetapi AS pada masa yang sama mengharap agar Yasser melakukan yang terbaik membendung tindak balas rakyatnya. Dalam keadaan sedemikian, bagaimana ia boleh dilakukan oleh Yasser," katanya.

Di sebalik meminta Yasser melakukan sesuatu, Farouk berkata, AS perlu memainkan peranannya dalam menghentikan keganasan Israel terhadap rakyat Palestin.

■ Lihat muka 4

✓ Palestine perlu pengaruh PM

"Penyelesaian politik perlu dilaksanakan oleh AS menerusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) kerana AS adalah penganjur bersama proses damai Asia Barat.

"Kami perlukan sokongan masyarakat antarabangsa untuk menghentikan pencerobohan dan keganasan Israel," tegasnya.

Kata beliau, masyarakat antarabangsa perlu membantu rakyat Palestin seperti mana ketika Nazi menganiayai kaum Yahudi semasa Perang Dunia Kedua.

"Yahudi pernah menjadi mangsa pembunuhan beramai-ramai dan masyarakat antarabangsa membantu mereka. Sekarang mereka (Israel) melakukan perkara yang serupa terhadap rakyat Palestin. Ini pemusnahan rakyat Palestin.

"Oleh itu kami perlu sokongan masyarakat antarabangsa bagi menghalang pihak Nazi Israel

daripada memusnahkan rakyat kami," tegasnya.

Dalam pertemuannya dengan Perdana Menteri, Farouk juga memberitahu beliau menyampaikan pesanan Yasser kepada Dr. Mahathir yang berterima kasih di atas sokongan berterusan Malaysia terhadap perjuangan rakyat Palestin.

Ketika ditanya apakah pandangannya mengenai keikhlasan AS dalam menangani isu Palestin selama ini, Farouk berkata, beliau tetap mencurigainya.

"AS sepanjang masa menyokong Israel dengan membekalkan senjata moden dan sebagainya," katanya.

Sebaliknya kata beliau, sekatan ekonomi seperti yang pernah dikenakan ke atas Afrika Selatan, perlu dilakukan ke atas Israel bagi mengatasi tindakan ganasannya itu.